

03/11/1998

Ketua Prudential lawat Malaysia

KETUA Eksekutif Kumpulan Prudential Corporation Plc, Sir Peter Davies (gambar), akan membuat lawatan kerja ke Malaysia dari 4 hingga 6 November ini. Prudential adalah syarikat insurans nyawa terbesar di United Kingdom (UK).

Ketika lawatan itu, beliau dijangka bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman.

Davies juga akan merasmikan pembukaan pejabat cawangan terbesar Prudential Assurance Malaysia Bhd, Prudential Phileo Damansara pada 5 November ini.

Pejabat cawangan setinggi 12 tingkat itu akan menempatkan lebih 50 agensi dengan 700 ejen.

Prudential Assurance Malaysia Bhd dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam berkata lawatan itu adalah yang pertama bagi Davies.

Beliau adalah eksekutif yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam Prudential Corporation Plc.

(END)